

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI  
DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH : 11.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian memasukkan silibus pembelajaran berkenaan kesihatan seperti HIV, AIDS dan denggi dalam sistem pengajaran pelajar sekolah bagi pengetahuan akan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil kerana hal ini perlu diberikan penjelasan sewajarnya untuk pengetahuan pelajar di peringkat sekolah lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kurikulum **Pendidikan Kesihatan** sejak tahun 1989 di sekolah menengah dan pada 1994 di sekolah rendah. Silibus kurikulum Pendidikan Kesihatan merangkumi komponen Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) yang mendidik murid ke arah meningkatkan kesedaran dan membantu murid memperoleh kemahiran membuat keputusan yang bijak serta bertanggungjawab pada masa kini dan masa depan dalam aspek pencegahan penyakit iaitu pengetahuan dan kemahiran mengurus kesihatan daripada penyakit tidak berjangkit, dan penyakit

berjangkit. Ini termasuklah penyakit denggi, jangkitan HIV, dan penyakit AIDS. Pembelajaran mengenai HIV/AIDS secara khususnya juga telah diajar kepada murid-murid sekolah menengah dalam subjek Pendidikan Kesihatan Tingkatan 5. Pendidikan berkaitan denggi juga diajar dalam mata pelajaran Sains serta Pendidikan Kesihatan di sekolah termasuk malaria dan penyakit berbahaya yang lain.

RJM12